

Persepsi Pelajar Terhadap Perlakuan Agresif Yang Berlaku di Lima Buah Sekolah Menengah di Kawasan Bandar Johor Bahru

Azizi Yahaya¹, Halimah Ma'alip² & Faizah Bte Idris¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia

²Akademi Bahasa Morden, Fakulti Pengurusan dan pembangunan Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap perlakuan agresif yang berlaku di lima buah sekolah di kawasan Bandar Johor Bahru. Kajian ini untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap faktor yang menyebabkan berlakunya perlakuan agresif pelajar dan jenis tingkah laku agresif yang berlaku di sekolah menengah. Dalam konteks kajian ini, hanya tiga persepsi pelajar sahaja yang dikaji iaitu dari aspek faktor yang menjurus kepada perlakuan agresif pelajar, jenis tingkah laku yang berlaku di sekolah dan membina hipotesis. Seramai 260 orang pelajar agresif dari tingkatan satu, dua dan empat di lima buah sekolah di kawasan Bandar Johor Bahru di pilih secara rawak berperingkat dilibatkan dalam kajian ini. Alat kajian yang digunakan untuk mendapat maklumat melalui Instrumen Soal Selidik Senarai Semak Masalah Mooney yang telah di analisa menggunakan SPSS 11.5 (*Statistical Package For Sosial Science*). Secara keseluruhannya tahap persepsi pelajar terhadap perlakuan agresif dan jenis berada pada tahap yang tinggi. Dapatan hipotesis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, psikologi dan rakan sebaya dengan jantina. Terdapat perhubungan yang signifikan antara tingkah laku verbal dan anti sosial dengan pendapatan ibu bapa. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap agresif pelajar di tahap yang tinggi. Cadangan untuk mengatasi masalah antaranya ialah pihak sekolah harus mengenal pasti budaya pelajar agresif dan memperkasakan program pembimbing rakan sebaya agar dapat mengurangkan masalah pelajar agresif.

Katakunci: Perlakuan agresif, jenis tingkah laku agresif, soal selidik semak masalah Mooney

Abstract: The objective of the study is to identify the perception of the students on aggressive attitude in five secondary schools in Johor Baharu town. This study also attempts to identify the factor of aggressive and types of aggressive attitude in the school. This study was focused only on threes aspects which are the causes on students' aggressiveness, types of aggressive attitudes and building hypothesis. About 260 questionnaires were distributed at random stage to aggressive student from form one, two and four. The instrument used was the Mooney Problem Check List which was later analysis by the SPSS11.5 (*Statistical Package For Social Science*). It contained 64 likert skill items. As a whole, the result of the study shows the level students aggressiveness in secondary schools in Johor Baharu area were quite high. The hypothesis shows that there is no significant difference between aggressive factor and student rate. Thus this research shows that the aggressive attitude among students in Johor Baharu town is quite high. The study suggested that the school should identify aggressiveness culture among the students and should implement the peer program therefore the problems will be decrease.

Keywords: Aggressive attitude, types of aggressive attitude, Mooney Problem Check List

1.0 PENGENALAN

Fungsi sekolah sebagai sebuah institusi yang membentuk dan mendidik anak bangsa mengikut kehendak dan acuan wawasan negara merupakan satu tugas yang amat mencabar. Semua pihak yang terlibat dalam institusi sekolah seperti pihak kerajaan, pentadbir, guru, ibubapa dan murid memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa di masa hadapan. Namun beberapa insiden pelanggaran disiplin yang serius telah berlaku dalam dunia persekolahan dewasa ini sedikit sebanyak telah mencemarkan harapan dan aspirasi ini. Peningkatan kadar jenayah yang dilakukan oleh pelajar sekolah, seperti perlakuan agresif yang menjurus kepada kes rogol, seks bebas, kumpulan samseng, mencuri, buli, bunuh, menagih dadah, vandalisme, rempit telah menimbulkan kebimbangan segenap lapisan masyarakat di seluruh dunia. Ianya bukan sahaja mencemarkan institusi pendidikan malah sudah berada pada tahap yang membimbangkan.

Sayangnya kita sering melihat sebilangan pihak hanya bertindak menunding jari mencari siapa yang bersalah tanpa mengembeling tenaga dan usaha bagi mencari formula dan tindakan untuk menyelesaikan masalah ini. Ada yang hanya menyalahkan ibu bapa kerana dianggap cuai mendidik anak-anak, guru-guru dipersalahkan kerana tidak dapat mendisiplinkan pelajar di sekolah dan rakan sebaya mempengaruhi dalam perlakuan anak-anak. Bagi menangani masalah ini kita perlau mencari faktor-faktor yang menyebabkan perlakuan agresif ini wujud di kalangan pelajar dan apakan jenis tingkah laku agresif yang dilakukan oleh pelajar.

Insiden-insiden perlakuan agresif pelajar yang berlaku sejak kebelakangan ini dan sering dilaporkan oleh media-media tempatan rata-rata membabitkan pelajar-pelajar lelaki. Namun apakah wujud insiden-insiden ini di kalangan pelajar wanita di sekolah menengah. Kajian ini bertujuan untuk menentukan apakah faktor-faktor yang mendorong pelajar bersikap agresif dan apakah bentuk tingkah laku agresif yang dilakukan oleh pelajar mengikut persepsi pelajar di sekolah menengah di kawasan bandar Johor Bahru.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Pada masa sekarang terdapat pelbagai jenis masalah salah laku pelajar yang melibatkan pelajar bertindak secara agresif seperti ponteng kelas, penagihan dadah, vandalisme, gangsterisme, buli, rogol samun mencuri dan banyak lagi. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia, sebanyak 10,402 tangkapan telah dibuat oleh pihak polis yang membabitkan remaja berusia 13 hingga 18 tahun.

Berdasarkan statistik, pembabitan remaja seawal usia 10 tahun telah berani melakukan jenayah berat seperti cubaan membunuh tanpa niat, kejadian rogol dan pecah rumah. Berdasarkan perangkaan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, pembabitan remaja dalam jenayah boleh dibahagikan kepada dua iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Antara jenayah kekerasan membabitkan remaja bawah umur 18 tahun ialah kes

bunuh, rogol, samun bersenjata api dan mencederakan. Sepanjang tahun benda pila, terdapat 4,474 tangkapan yang telah dibuat untuk tempoh tiga tahun seperti jenayah pecah rumah, kejadian mencuri kenderaan dan lain-lain jenis kecurian. Keseluruhannya, lebih 12 tangkapan dilakukan oleh pihak polis membabitkan kedua jenis jenayah ini ialah sebanyak 14 tangkapan setiap hari membabitkan remaja bawah 18 tahun.

Jadual: Penglibatan remaja dalam jenayah sepanjang 1993 – 1995

Jenayah harta benda	1993	1994	1995
Pecah Rumah	539	430	472
Curi kereta	347	325	406
Kecurian-kecurian lain	622	605	728
Tahun / Umur	1993	1994	1995
16-18	2188	2096	2592
13-15	1214	983	1329
12-10	200	168	27

Suasana persekolahan memainkan peranan penting di samping peranan ibu bapa dan persekitaran dalam membentuk identiti pelajar. Ketidak selesaan dengan suasana pembelajaran dan persekolahan mendorong pelajar bertindak secara agresif. Kelemahan sistem pendidikan yang lebih menekankan kepada keputusan peperiksaan dan prestasi sekolah lebih memburukkan keadaan dan ditambah lagi dengan pelbagai program yang dianjurkan pihak sekolah. Suasana ini akan membangkitkan kebosanan pelajar terutama jika pelajar yang kurang berminat dan lebih teruk lagi jika pelajar itu mempunyai masalah di mana ianya akan menjurus kepada perlakuan agresif pelajar.

Perkembangan sistem pendidikan juga mengundang masalah disiplin pelajar. Prestasi pelajar semakin merundum sedangkan kuantiti pelajar semakin meningkat. Dalam senario pendidikan sekarang ini terdapat masalah-masalah disiplin yang tidak terkawal. Masalah ini semakin berleluasa dari hari ke hari masalah melibatkan pelajar bermasalah di sekolah meningkat ketahap yang membimbangkan berikutan beberapa kes sejak kebelakangan ini. Bermula dengan kejadian membakar bilik guru sekolah di Shah Alam, membakar bilik darjah di Rawang, Selangor, tiga puluh pelajar membelasah seorang rakan mereka sehingga cedera dan menerima jahitan sehinggalah kepada pertengahan Jun 2000, (Utusan Malaysia, 3 Julai 2000).

Ibu bapa seharusnya membekalkan didikan agama dan moral yang sempurna kepada anak-anak. Di samping itu, ibu bapa harus menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak. Pelajar memerlukan perhatian yang lebih dari ibu bapa terutama bagi pelajar peringkat remaja kerana mereka mudah terjerumus ke jalan yang salah disebabkan oleh pelbagai faktor. Pada masa kini masalah pelajar bertindak secara agresif di sekolah semakin menular dan sukar untuk dikawal dan boleh dianggap serius oleh Kementerian Pendidikan. Jika masalah pelajar agresif ini dibiarkan tanpa ditangani, ianya akan merosakkan generasi yang bakal menjadi pemimpin hari esok.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Agresif adalah tindakan melampau pelajar yang boleh menimbulkan masalah disiplin di kalangan pelajar yang menjejaskan perlakuan dan tingkah laku pelajar. Masalah disiplin yang diwujudkan memberi tekanan kepada pelajar itu sendiri, keluarga, pihak sekolah, masyarakat dan negara. Disiplin adalah satu daya kawalan sosial yang amat diperlukan bagi mewujudkan suasana yang tenteram dan keadaan yang licin dan lancar.

Perlakuan pelajar yang agresif menimbulkan banyak masalah kepada terutamanya kepada pihak sekolah dalam mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lancar dan berkesan. Pelajar yang bertindak agresif di sekolah perlu ditangani dan dikawal dari peringkat awal lagi supaya masalah ini tidak berlarutan dan menjadi semakin parah seterusnya boleh mengakibatkan pelbagai masalah disiplin dan mencabar kewibawaan sistem pendidikan sekarang ini.

Pelajar merupakan pemimpin hari esok dan kita semestinya tidak merelakan negara kita dipimpin oleh pemimpin di kalangan orang yang bermasalah. Maruah dan harga diri dan negara kita terletak pada rakyatnya dan tanggungjawab ibu bapa, guru dan masyarakat penting dalam membangunkan pelajar bermasalah seperti ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau faktor-faktor berlakunya perlakuan agresif di kalangan pelajar dan jenis tindakan agresif pelajar di sekolah menengah yang menyumbangkan kepada masalah kepada sekolah sekitar bandar Johor Bahru dari persepsi pelajar bermasalah. Kajian ini juga bertujuan melihat perbezaan perlakuan agresif mengikut faktor dengan jantina dan perhubungan tingkah laku dengan pendapatan ibu bapa.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang paling dominan seperti faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan rakan sebaya terhadap pelajar agresif.
2. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah faktor yang paling dominan seperti faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif.
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar

belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina.

6.0 SKOP KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap perlakuan agresif dengan melihat kepada faktor-faktor perlakuan agresif di kalangan pelajar sekolah menengah dan jenis tingkah laku yang kerap di lakukan. Fokus penyelidik dalam kajian ini ialah mengenal pasti faktor-faktor mendorong pelajar agresif bertindak secara agresif di sekolah menengah. Kajian ini juga cuba mengenalpasti jenis-jenis tingkah laku agresif yang wujud di kalangan pelajar sekolah menengah. Di samping itu kajian ini akan mengenal tahap tindakan agresif pelajar.

7.0 DEFINISI ISTILAH

1. Tingkahlaku agresif

Tingkah laku buli merupakan satu bentuk tingkah laku agresif (Smith dan Sharp, 1994). Menurut Olweus (1993) tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau kumpulan. Tingkah laku agresif boleh jadi dalam bentuk fizikal atau lisan yang boleh menyebabkan kecederaan atau ketidakselesaan atau kesakitan ke atas individu lain iaitu. Tingkah laku ini termasuklah tindakan seperti mengejek, pemuluan dan memukul (Olweus, 1991; Rigby, 1997; Thompson dan Sharp, 1998).

Dalam kajian ini tingkah laku agresif adalah merujuk kepada tingkah laku atau perbuatan negatif sama ada secara fizikal atau lisan atau secara psikologi yang dilakukan oleh seseorang yang lebih berupaya terhadap seseorang yang kurang upaya atau tidak upaya. Contohnya menbuli, mencuri, ponteng sekolah, bergaduh, menghisap rokok dan dadah, pecah rumah dan sebagainya.

2. Jenis tingkahlaku agresif

Penyelidik dalam kajian ini merujuk jenis tingkah laku agresif adalah jenis-jenis tingkah laku agresif seperti mana didefinisikan oleh Olweus (1993) iaitu fizikal, verbal dan anti sosial. Tingkah laku fizikal merujuk kepada tingkah laku yang berbentuk fizikal seperti memukul, menendang, mencederakan, menolak, menarik rambut, mengambil barang kepunyaan orang lain, mencuri dan sebagainya (Olweus, 1993; Smith dan Sharp, 1994).

Tingkah laku verbal adalah tingkah laku seperti panggilan nama, mengejek, mengusik dan mencemuh berulang kali, menghina dan melabel kaum (Smith dan Sharp, 1994). Tingkah laku agresif anti sosial termasuklah tingkah laku tingkah laku tidak langsung seperti menyebarkan fitnah, gossip, penyisihan sosial, pemuluan dan merosakkan harta benda secara berulang kali (Olweus, 1993; Smith dan Sharp, 1994).

3. Persepsi perlakuan agresif

Persepsi ialah kemampuan atau kebolehan untuk melihat, merasa atau mengerti (Collins English Dictionary, 2000). Ia adalah kebolehan individu untuk menginterpretasi maklumat-maklumat daripada persekitaran berdasarkan kepada pengalaman, konteks semasa, keperluan, matlamat dan pengharapan. Dalam konteks kajian ini, persepsi pelajar terhadap perlakuan agresif adalah kefahaman dan perasaan mereka tentang perlakuan agresif yang berlaku di sekolah.

8.0 SOROTAN KAJIAN

Bucher (1983) telah membuat satu kajian terhadap 200 pelajar perempuan mengenai pandangan mereka tentang manfaat yang diperoleh daripada penglibatan mereka dalam ko-kurikulum seperti didapati responden bersetuju bahawa aktiviti ini menyumbang pada kesihatan terutamanya dari segi perkembangan jasmani dan juga perkembangan sahsiah yang positif.

Morris (1962) mendapati masalah utama di kalangan remaja ialah berkaitan dengan pelajaran. Antara masalah ialah tidak belajar dengan secukupnya, tidak tertarik kepada beberapa mata pelajaran, bimbang terhadap pelajaran, mengalami kesukaran dalam membuat laporan lisan dan tidak dapat memahami beberapa mata pelajaran.

Nordin (1986) membuat kajian mengenai pelajar dari golongan ibu tunggal di Terengganu mendapati masalah utama pelajar ialah kewangan, tekanan emosi, persahabatan dan urusan kewangan keluarga.

Patemah (1989) mengatakan bahawa keruntuhan akhlak dan moral mempunyai hubungan dengan pendidikan agama serta cara didikan ibu bapa. Justeru itu setelah diorientasikan dalam institusi pemulihan akhlak, cara pemikiran berkemungkinan dapat dibentuk semula agar tidak lagi wujud sikap yang negatif. Dengan adanya pendidikan agama yang secukupnya, kita dapat membentuk sikap serta memupuk nilai murni serta kerohanian peribadi seseorang.

Zaman remaja merupakan satu tempoh kehidupan yang diselubungi oleh harapan, cabaran, dan ketegangan yang tertentu. Antara lain, tiga faktor yang memberi sumbangan kepada kegeloraan hidup di zaman remaja ialah perubahan fizikal yang amat cepat dan pencapaian kematangan jantina, kedudukan remaja sebagai manusia pinggir dan keperluan untuk menyediakan diri bagi dunia dewasa. (Nik Aziz Nik Pa, 1998).

Erikson (1963) menjelaskan bahawa pada zaman remaja, seseorang berhadapan dengan satu cabaran kritis, iaitu pembentukan dan pengembangan identiti diri. Kegagalan untuk mengatasi cabaran tersebut boleh membuat remaja mengalami krisis kekeliruan tentang peranan hidup mereka. Dalam zaman revolusi teknologi dan ledakan maklumat, pembentukan identiti diri merupakan satu proses yang kompleks. Antara lain pembentukan identiti diri membabitkan pembinaan identiti jantina dan identiti pekerjaan yang sesuai.

Menurut Hurlock (1973) kaum remaja mengalami gangguan emosi seperti bimbang akan kegagalan akan membuat penyesuaian semasa bertembung dengan situasi baru. Jika tidak ada penyesuaian yang memuaskan di antara individu dengan persekitarannya, maka remaja akan menghasilkan tingkah laku yang menyimpang. Perlakuan ini akan menimbulkan masalah sosial yang besar kepada masyarakat dan negara. Terdapat tiga aspek utama yang dikaitkan dengan dorongan keagresifan. Tiga aspek itu ialah:

i. Tenaga bantuan/ganjaran

Mekanisme pelajaran yang pertama berlaku ialah tenaga bantuan/ganjaran. Apabila tingkah laku tertentu diberikan ganjaran, individu tersebut menjadi lebih suka mengulangi pada masa akan datang. Sebaliknya apabila dihukum, dia jarang mengulangi kesilapan itu (Azizi 2004) Kesimpulannya tingkah laku agresif ialah sempadan utama mempelajari tingkah laku dan tenaga bantuan ialah fasilitator utama bagi keagresifan.

ii. Peniruan

Peniruan ialah mekanisme lain yang berbentuk tingkah laku. Semua orang mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk meniru. Peniruan ini berlanjutan kepada hampir semua tingkah laku termasuk keagresifan (Azizi 2004) Keagresifan kadang kala bukan sahaja tidak diperlukan tetapi dibenarkan dan diperlukan, contohnya ketika diserang. Tingkah laku ini dibentuk dan ditentukan oleh apa yang dilakukan oleh orang lain dan diperhatikan oleh pelaku. Tindakan agresif banyak di cetus akibat daripada peniruan dan pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain. Pelajar yang mulanya menjadi pemerhati terhadap pelakuan agresif, kemudian akan turut terlibat. Mengikut Olweus (1998), mengapa pemerhati kejadian agresif, turut melakukan ialah kerana peniruan. Mangsa tindakan agresif pula akan bertukar menjadi agresif akibat daripada peniruan juga. Mereka akan melepaskan kemarahan terhadap mangsa yang lebih lemah dan seterusnya melakukan apa yang telah mereka alami (dalam kes ini ialah perlakuan).

iii. Naluri

Sigmund Freud (1930, 1950) berpendapat bahawa keagresifan disebabkan oleh faktor naluri biologi yang mewujudkan musuh dorongan desakan kebebasan. Manusia mempunyai tanggapan antara dorongan membina atau kemusnahan. Dorongan semula jadi atau naluri mati adalah semula jadi, namun naluri ini tetap mewujudkan dorongan musuh menuntut pembebasan.

9.0 TEORI BERKAITAN

1. Keturunan Genetik dan Faktor Persekitaran

Lombroso (petik dari Hollin, 1989) membahaskan bahawa agresif adalah dilahirkan semula jadi dan tidak dipelajari. Lombroso membuat kesimpulan bahawa satu per tiga daripada pesalah adalah dilahirkan sebagai penjenayah. Yang lain adalah disebabkan oleh pengambilan dadah atau arak serta pengaruh persekitaran yang buruk seperti kurang terima pendidikan. Osborn dan West (1979) mendapati seramai 40% anak penjenayah adalah penjenayah. Ini berbanding dengan hanya 13% penjenayah yang ayah mereka bukan penjenayah.


Rowe (1983) telah menjalankan kajian ke atas golongan anak kembar dan membuat kesimpulan bahawa faktor genetik mainkan peranan dalam penerangan jenayah. Bagaimanapun, ini tidak bermaksud agresif adalah akibat perbezaan dalam biologi. Apa yang ditekankan ialah kandungan genetik mempunyai potensi untuk perkembangan dalam tingkah laku agresif.

Crowe (1974) mendapati daripada sampel anak angkat di mana ibu kandung mempunyai rekod jenayah, didapati hampir 50 peratus anak angkat melakukan jenayah bila mencapai 18 tahun. Ini berbanding dengan hanya 5 peratus anak angkat di mana ibu kandung mereka bukan penjenayah telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Kajian Kontemporari (Rutter and Giller, 1983) bersetuju bahawa individu yang mempunyai kromosom Y yang berlebihan (XXY) kemungkinan besar terlibat dalam masalah tingkah laku.

2. Teori Biokimia/ Neurologi

Hippchen (1978) mencadangkan bahawa kekurangan dalam vitamin B3 adalah punca utama tingkah laku hyper aktif dalam kanak-kanak dan remaja. Kajian yang lain telah mengaitkan faktor makanan seperti kandungan protein, karbohidrat dan gula dengan perkaitan tingkah laku jenayah (Schoenthaler dan Doraz, 1983) Monroe (1978) mendapati bahawa kecacatan otak seperti Kerosakan Otak Minimum dan ketumbuhan telah dikaitkan dengan jenayah.

3. Teori Behaviourisme



Rajah 1: Model Kerangka Kajian Tentang Perlakuan Agresif Pelajar Menurut Teori Behaviourisme

Model ini menunjukkan perlakuan agresif berlaku kerana terdapatnya proses rangsangan terhadap pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini pemboleh ubah yang digunakan meliputi faktor-faktor, jenis perlakuan agresif dan demografi. Manakala perlakuan agresif di sekolah menengah dijadikan pemboleh ubah bersandar.

Dalam rangka kajian teori (Rajah 1), penyelidikan dibuat untuk mengenalpasti apakah faktor yang menjurus kepada perlakuan agresif pelajar dari sudut persepsi pelajar. Rangsangan ini terdiri daripada faktor pemboleh ubah bebas yang mana akan berlarutan sehingga menjadi kebiasaan kepada pelajar sehingga menjurus kepada perlakuan agresif. Rangsangan ini dari pemboleh ubah bebas yang berulang dan pelajar sudah terbiasa menyebabkan kehidupan pelajar menjurus kepada perlakuan agresif. Faktor pemboleh ubah bebas ini mempunyai peranan dan kesan yang besar ke arah perlakuan agresif pelajar. Perlakuan agresif pelajar disalurkan dalam bentuk tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial. Perlakuan agresif ini dikaji dari aspek pelajar kawasan bandar Johor Bahru dan nyata semuanya mempunyai perkaitan dan sentiasan berulang dalam kitaran yang sempurna dan lengkap.

10.0 METOD

1. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Menurut Majid (1998), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Jenis penyelidikan ini adalah jenis kajian soal selidik. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat faktor suasana sekolah, latar belakang

keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif di lima buah sekolah kawasan bandar Johor Bahru. Data yang diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang terpilih mewakili populasi iaitu pelajar-pelajar lima buah sekolah di kawasan bandar Johor Bahru, Johor. Setiap maklumat telah ditafsirkan secara kuantitatif.

2. Tempat Kajian

Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan sampel bagi setiap sekolah bagi yang dikaji. Kajian dilakukan di beberapa buah sekolah menengah terpilih di kawasan bandar Johor Bahru, Johor. Sekolah-sekolah ini terdiri daripada latar belakang yang berbeza-beza.

Jadual 2: Taburan sampel bagi setiap sekolah

Bil	Sekolah	Sampel Kajian		
		Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	SMK Saint Joseph	20	0	20
2	SMK(P) Sultanah Aminah	0	20	20
3	SMK Tasek Utara 2	20	20	40
4	SMK Dato Jaafar	20	20	40
5	SMK Aminuddin Baki	20	20	40
Jumlah		80	80	160

3. Populasi

Populasi kajian adalah di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu, dua dan empat yang dipilih daripada lima buah sekolah menengah harian di kawasan bandar Johor Bahru, Johor. Jadual 3 menunjukkan jumlah populasi mengikut tingkatan di sekolah yang dipilih.

Jadual 3: Jumlah populasi berdsarkan tingkatan

Bil	Tingkatan	Jumlah
1	1	309
2	2	455
3	4	225
Jumlah		979

4. Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 160 orang pelajar yang dipilih dari beberapa buah sekolah di kawasan bandar Johor Bahru, Johor. Sampel ini dipilih secara rawak berperingkat dari kalangan pelajar bermasalah di sekolah menengah yang dipilih. Rawak berperingkat di mana pemilihan dibuat secara berperingkat mengikut kajian sehinggalah kepada pemilihan responden di kalangan pelajar bermasalah di sekolah. Sebanyak lima buah sekolah yang dipilih oleh penyelidik untuk dijadikan sampel kajian. Seramai 20 hingga 40 orang pelajar dari setiap sekolah telah dipilih secara rawak untuk menjadi bahan kajian.

5. Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang telah diubah suai daripada Soal Selidik Masalah Mooney. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978).

Soal selidik dalam bahagian ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

- i. Bahagian A** : Latar belakang responden dan keluarga.
Bahagian ini mengandungi item-item yang berkaitan dengan faktor demografi iaitu jantina, tingkatan, bangsa, bilangan adik-beradik, taraf pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, pendapatan keluarga, agama adakah pelajar pernah didera. Responden perlu menjawab dengan menandakan (\checkmark) pada ruangan yang disediakan mengikut kesesuaian maklumat yang ada dan menyatakan maklumat yang diperlukan. Kaedah ini mampu memberikan maklumat tepat yang dikehendaki (Borg dan Gall, 1983). Bagi pendidikan ibu bapa, pelajar perlu menyatakan diruangan yang dikhaskan.
- ii. Bahagian B** : Soal selidik faktor yang paling dominan seperti faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya Bahagian B ialah soal selidik tentang faktor yang paling dominan seperti faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif di sekolah menengah. Untuk memudahkan responden menjawab, penyelidik menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:
 1. Sangat tidak setuju
 2. Tidak setuju
 3. Kurang setuju
 4. Setuju
 5. Sangat setuju

iii. Bahagian C: Soal selidik jenis tingkah laku agresif (fizikal, verbal dan Antisocial) Bahagian C adalah soal selidik soal selidik jenis tingkah laku agresif (fizikal, verbal dan antisocial) yang kerap yang paling kerap terjadi di kalangan pelajar sekolah. Soal selidik ini adalah berdasarkan kepada soal selidik yang telah dibentuk oleh penyelidik berdasarkan perbincangan dengan pakar-pakar dalam bidang ini. Soal selidik ini digunakan untuk mengetahui jenis tingkah laku agresif yang kerap dikalangan pelajar. Soal selidik ini mengandungi 5 item yang dibahagikan kepada tiga peringkat. Untuk memudahkan responden menjawab, penyelidik menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Kurang setuju
4. Setuju
5. Sangat setuju

6. Pemarkatan Skor Faktor-Faktor Paling Dominan

Pemarkatan faktor-faktor dominan yang mempengaruhi tindakan agresif pelajar dan kekerapan tindakan agresif dikalangan pelajar. Ianya digunakan untuk menentukan faktor yang paling dominan seperti faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap tindakan agresif pelajar berdasarkan kepada persoalan kajian. Tahap pemarkatan tersebut dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi.

7. Kajian Rintis

Menurut Borg dan Gall (1983), kajian rintis ialah satu kajian yang dilaksanakan sebelum set soal selidik diedarkan kepada responden sebenar. Tujuan utama kajian rintis dijalankan ialah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah penting bagi memastikan maklumat yang diperolehi mencapai matlamat penyelidikan. Kajian rintis juga dapat digunakan untuk menguji kefahaman responden terhadap konsep-konsep yang digunakan dalam instrumen kajian khususnya mengenai kekurangan, kekeliruan dan kekaburan bahasa instrumen (Wiersma, 2000). Kajian rintis membolehkan penyelidik mengenal pasti kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaikinya supaya tidak menjejaskan hasil kajian. Kajian rintis juga dijalankan bagi memastikan item-item yang digunakan mempunyai kerangka rujukan yang sama di antara responden dengan penyelidik.

Kajian rintis ini telah dijalankan bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Seramai 10 orang pelajar bermasalah disiplin yang telah dipilih telah digunakan

untuk menguji sama ada mereka dapat memahami item-item yang digunakan dalam soal selidik yang telah diterjemahkan. Kajian rintis telah dijalankan pada ketiga bulan Oktober 2007. Kajian rintis ini telah dijalankan di dalam bilik tertutup atau bilik-bilik khas yang disediakan oleh pihak sekolah-sekolah yang terlibat dan dikendalikan sendiri oleh penyelidik dengan bantuan guru kaunselor atau guru disiplin. Dapatan kajian rintis menunjukkan alpha conbrach 0.81 dan soal selidik ini boleh diterima.

8. Kesahan Instrumen

Menurut Majid (1998), pengujian tahap kesahan adalah penting untuk memastikan item yang dibuat adalah bersesuaian dengan responden yang hendak diuji. Dalam ujian psikologi seperti yang digunakan dalam kajian ini penyelidik memfokuskan kepada kesahan konstrak dalam membina item-item. Bagi menentukan kesahan instrumen kajian ini, penyelidik meminta bantuan daripada pakar-pakar yang mempunyai pengalaman dalam bidang psikologi pendidikan.

9. Kebolehpercayaan Instrumen

Dalam kajian rintis yang sebanyak 10 set borang soal selidik yang mengandungi 64 item diedarkan kepada responden untuk dijawab dan penyelidik mengumpulnya sendiri sejeurus selepas responden selesai menjawab. Semasa menjawab pelajar-pelajar boleh bertanya kepada penyelidik jika terdapat perkataan-perkataan yang tidak difahami. Pada minggu keempat bulan Oktober 2007 kajian rintis dijalankan dan pelajar yang sama akan digunakan untuk menjawab soal selidik ini. Setelah kajian rintis dibuat, penyelidik menilai skor pelajar-pelajar bagi item- item dalam soal selidik tersebut. Skor-skor daripada soal selidik ini akan dikolerasikan dengan menggunakan Kolerasi Pearson untuk mencari hubungan atau kaitan antara dua pembolehubah tersebut. Jika nilai kolerasi yang diperolehi mempunyai nilai kolerasi 0.8 maka korelasi ini menunjukkan soal selidik mempunyai kesahan yang baik.

10. Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum memulakan kajian di sekolah-sekolah, penyelidik akan memohon kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Setelah kebenaran diperolehi, penyelidik akan mendapatkan kebenaran daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri bagi menggunakan pelajar sekolah sebagai sampel kajian. Proses pengumpulan data pula menggunakan soal selidik yang diedarkan ke sekolah-sekolah melalui guru disiplin dan kaunselor sekolah. Penyelidik akan pergi sendiri ke sekolah-sekolah terlibat untuk mengedarkan soal selidik, menerangkan tatacara menjawab soal selidik, taklimat pentadbiran kepada pihak sekolah dan memungut soal selidik untuk tindakan selanjutnya.

11. Analisis Data

Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian. Analisis deskriptif dan peratus digunakan untuk menentukan kekerapan dan tahap tingkah laku agresif di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang dikaji. Analisis kekerapan dan peratusan digunakan untuk melihat taburan demografi yang diterima. Untuk tujuan pengujian hipotesis, statistik ujian-t dan kolerasi pearson digunakan. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan komputer. Program yang digunakan adalah 'Statistical Package for the Social Science' (SPSS) Versi

11.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

1. Bahagian A (Analisa Latar Belakang Responden)

Responden kajian terdiri daripada 260 orang pelajar lelaki dan perempuan dari lima buah sekolah harian biasa di kawasan Bandar Johor Bahru iaitu SMK St Joseph, SMK Engku Tun Aminah, SMK Tasek Utara 2, SMK Dato Jaafar dan SMK Aminuddin Baki.

Jadual 4: Taburan responden mengikut sekolah

Sekolah	Bil	Peratus (%)
SMK Saint Joseph	33	12.7
SMK(P) Sultanah Aminah	32	12.3
SMK Tasek Utara 2	65	25
SMK Dato Jaafar	65	25
SMK Aminuddin Baki	60	100
Jumlah	80	80

Jadual 4 menunjukkan taburan demografi kajian mengikut sekolah. Hasil kajian mendapati bahawa bilangan responden dari SMK St Joseph seramai 33 orang (12.7 peratus), dari SMK Engku Tun Aminah seramai 32 orang (12.3 peratus), SMK Tasek Utara 2 seramai 65 orang (25 peratus), SMK Dato Jaafar seramai 65 orang (25 peratus) dan SMK Aminuddin Baki seramai 65 orang (25 peratus).

2. Bahagian B: (Soal Selidik) Analisa Persoalan Kajian

- i. **Persoalan pertama: Apakah faktor yang paling dominan seperti faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif.**

Faktor suasana sekolah terhadap pelajar agresif

Jadual 9 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Suasana Sekolah (n=260)

Faktor Suasana Sekolah	S		TP		TS		Min	SP
	F	%	f	%	f	%		
Saya suka dengan peraturan sekolah	50	19.2	33	7	177	68.1	3.75	1.1
Saya selesa dengan suasana sekolah	42	16.2	15	5.8	203	88	3.87	1.0
Saya suka berada di sekolah	60	25.4	1	0.4	199	76.5	4.1	0.95
Suasana pembelajaran di dalam kelas menyeronokkan	56	21.6	13	5.0	190	63.0	3.86	1.26
Sekolah saya sentiasa sibuk dengan pelbagai program	223	85.8	0	0	37	14.2	4.02	0.99
Suasana sekolah dapat membantu saya belajar dengan baik	41	15.7	43	16.5	176	67.7	3.64	1.02
Saya selesa dengan disiplin sekolah saya	56	21.6	71	27.3	133	51.2	3.28	0.83
Guru sentiasa mengambil tahu prestasi pelajar	75	28.9	0	0	185	71.1	3.65	1.22
Purata Keseluruhan							4.10	0.56

Berdasarkan Jadual 9 pelajar melihat faktor suasana sekolah yang paling dominan menjurus kepada perlakuan agresif pelajar di sekolah menengah kerana pelajar tidak suka atau tidak selesa dengan suasana sekolah. Min tertinggi bagi suasana sekolah ialah 4.10 dengan sisihan piawai 0.95 bagi “Saya suka berada di sekolah” Seramai 199 orang (76.5 peratus) tidak bersetuju manakala seramai 1 orang (0.4 peratus) tidak pasti dan 60 orang bersetuju (25.4 peratus). Dapatan ini menunjukkan majoriti pelajar tidak suka berada di sekolah.

Soalan “sekolah saya sentiasa sibuk dengan pelbagai program” menunjukkan skor min 4.02 dengan sisihan piawai 0.99. Seramai 223 orang (85.8 peratus) bersetuju dan 37 orang (14.7 peratus) sangat bersetuju. Seramai 33 orang (12.7 peratus) tidak bersetuju dan 4 orang (1.5 peratus) sangat tidak bersetuju. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar bersetuju sekolah mereka sentiasa aktif dengan pelbagai program menjana untuk memberikan pelajar pelbagai pengetahuan dan pengalaman dari aspek kurikulum dan kokurikulum.

Pelajar berpendapat suasana sekolah dapat membantu mereka belajar dengan baik dengan skor min 3.64 dan sisihan piawai 1.0. Dapatan ini menunjukkan pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan ini di mana seramai 41 orang (15.7 peratus) bersetuju, 43 orang tidak pasti (16.5 peratus) dan 176 orang tidak bersetuju (67.7 peratus).

Skor min terendah dalam faktor suasana sekolah menentukan perlakuan agresif pelajar di sekolah ialah “saya selesa dengan disiplin sekolah” dengan skor min 3.28 dan

sisihan piawai 0.82. Seramai 133 orang (51.2 peratus) bersetuju, 71 orang (27.3 peratus) tidak pasti manakala seramai 56 orang (21.6 peratus) tidak bersetuju dalam menentukan perlakuan pelajar yang agresif.

Faktor latar belakang keluarga terhadap pelajar agresif

Jadual 11: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Latar Belakang Keluarga (n=260)

Faktor Latar Belakang Keluarga	S		TP		TS		Min	SP
	F	%	f	%	f	%		
Hubungan saya dengan ibu bapa/penjaga baik	53	18.4	0	0	212	81.5	3.68	0.90
Ibu bapa saya sentiasa sibuk	221	85.0	12	4.6	27	10.4	4.27	0.90
Ibu bapa saya tidak pernah memarahi saya	35	12.8	12	4.6	213	81.9	3.68	0.72
Ibu bapa perihatin terhadap Saya	38	14.6	13	5.0	209	61.4	3.94	1.00
Ibu bapa sentiasa mendisiplinkan saya	23	8.9	26	10.0	211	81.2	3.79	0.74
Ibu bapa mengetahui aktiviti saya diluar rumah	31	11.9	29	11.2	200	76.3	3.87	0.90
Ibu bapa meraikan harijadi saya	45	17.3	0	0	215	42.7	4.1	1.1
Ibu bapa sentiasa mengharapkan keputusan peperiksaan terbaik	161	61.9	61	23.5	38	14.7	3.53	0.93
Purata Keseluruhan							3.86	0.53

Berdasarkan Jadual 11 didapati kebanyakan pelajar sangat bersetuju mengatakan ibu bapa mereka terlalu sibuk sehingga menjurus kepada kepincangan dalam sikap pelajar seterusnya mempengaruhi sikap mereka sewaktu di sekolah. Hasil dapatan daripada kajian di dapati skor min tertinggi 4.42 dengan sisihan piawai 0.99 bagi 'ibu bapa saya sentiasa sibuk'. Seramai 140 orang (53.9 peratus) bersetuju ibu bapa mereka sentiasa sibuk 2 orang (0.8 peratus) sangat tidak bersetuju ibu bapa mereka sentiasa sibuk manakala 12 orang (4.6 peratus) tidak pasti.

Harijadi pelajar tidak diraikan oleh ibu bapa dengan skor min 4.1 dan sisihan piawai 1.1. Seramai 117 orang (45.0 peratus) sangat tidak bersetuju ibu bapa mereka meraikan dan 98 orang (37.7 peratus) tidak bersetuju. Sebilang kecil sahaja bersetuju 43 orang (16.5 peratus) dan 2 orang sangat bersetuju (0.8 peratus).

"Ibu bapa perihatin terhadap saya" menunjukkan skor min yang sederhana 3.94 dengan sisihan piawai 0.87. Seramai 132 orang pelajar (50.8 peratus) tidak bersetuju ibu bapa mereka perihatin dan 77 orang pelajar (29.6 peratus) sangat tidak bersetuju manakala 13 orang pelajar (5.0 peratus) tidak pasti dan 34 orang pelajar (13.1 peratus) setuju faktor ini menyumbang kepada pelajar bertindak secara agresif di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru.

Faktor latar belakang pelajar yang menyumbang kepada perlakuan agresif pelajar di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru yang menunjukkan skor min yang paling rendah ialah “ibu bapa saya sentiasa mengharapkan keputusan peperiksaan yang terbaik” iaitu 3.53 dengan sisihan piawai 0.93. Seramai 138 orang pelajar (53.1 peratus) setuju, 61 orang pelajar (23.5 peratus) tidak pasti dan 29 orang pelajar (11.5 peratus) tidak bersetuju ibu bapa. Skor min purata keseluruhan bagi taburan faktor latar keluarga ialah 3.86 dengan sisihan piawai sebanyak 0.53. Ini menunjukkan faktor latar belakang keluarga berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 12: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Sikap Pelajar (n=260)

Faktor Sikap Pelajar	S		TP		TS		Min	SP
	F	%	f	%	f	%		
Apabila ternampak rakan menconteng meja, saya akan menegurnya	41	15.8	12	4.6	204	65.5	3.80	1.04
Saya selalu menyiapkan kerja Sekolah	52	20.0	45	17.3	163	62.7	3.81	1.17
Saya dapat menumpukan perhatian di dalam kelas ketika guru mengajar	29	1.1	4	1.5	227	83.3	4.03	0.92
Saya suka berada di rumah	46	17.2	5	1.9	209	82.9	3.75	0.98
Saya dapat mengawal perasaan marah	25	9.6	23	8.8	165	63.2	3.99	0.94
Saya suka melibatkan diri dalam program sekolah	105	40.4	0	0	155	59.7	3.48	1.33
Saya suka mencuba sesuatu yang baru	229	88.1	6	2.3	25	9.6	4.39	0.98
Saya suka berkawan dengan rakan sebaya	54	20.8	15	5.8	191	73.5	3.78	1.10
Purata Keseluruhan							3.88	0.62

Jadual 12 di sebelah menunjukkan taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor sikap pelajar yang menjurus kepada berlakunya perlakuan agresif di kalangan pelajar di kawasan bandar Johor Bahru. Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan menunjukkan skor min tertinggi 4.39 dengan sisihan piawai 0.98 bagi “saya suka mencuba sesuatu yang baru” dengan 229 orang pelajar (93.1 peratus) sangat, 6 orang pelajar (2.3 peratus) tidak pasti dan 21 orang pelajar tidak bersetuju (9.6 peratus).

Faktor sikap pelajar dalam menentukan faktor yang paling dominan terhadap perlakuan agresif pelajar bagi “saya dapat menumpukan perhatian di dalam kelas ketika guru mengajar” menunjukkan min 4.03 dengan sisihan piawai 0.92. Hasil dapatan dari kajian yang telah dijalankan menunjukkan pelajar tidak bersetuju seramai 227 orang (73.3 peratus), 4 orang pelajar (1.5 peratus) tidak pasti dan 29 orang pelajar (11.1 peratus) bersetuju. Skor min terendah untuk faktor sikap pelajar bagi menentukan faktor

yang paling dominan terhadap perlakuan agresif pelajar ialah 3.58 dengan sisihan piawai 1.28 “saya suka melibatkan diri dalam program sekolah”. Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan ke atas pelajar menunjukkan 125 orang pelajar (59.7 peratus) tidak bersetuju. Secara keseluruhannya purata keseluruhan skor min bagi taburan bagi faktor sikap pelajar terhadap perlakuan agresif pelajar ialah 3.99 dengan sisihan piawai keseluruhan 0.55. Ini menunjukkan faktor sikap pelajar berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 13 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Sikap Psikologi (n=260)

Faktor Psikologi	S		TP		TS		Min	SP
	F	%	f	%	f	%		
Saya suka melepaskan perasaan marah	82	31.5	0	0	11	4.3	4.22	0.71
Saya tahu mengatasi masalah Diri	84	32.3	0	0	176	67.7	2.65	0.94
Saya suka mengikut kehendak Sendiri	180	69.3	27	10.4	53	20.4	3.51	0.88
Saya seronok apabila menconteng	140	53.9	67	25.8	53	20.4	3.53	1.13
Saya merasa iri hati melihat pelajar lain menggunakan kemudahan sekolah	178	68.5	37	14.2	45	17.4	3.65	0.96
Merosakkan harta benda sekolah dapat menarik perhatian orang	199	76.5	24	9.2	37	14.3	3.87	1.04
Saya berdendam dengan guru yang mendenda saya	214	82.3	5	1.9	41	15.8	4.24	1.24
Jika seseorang pelajar melakukan kesalahan, mesti menerima hukuman atas kesalahannya	171	65.8	18	6.9	71	27.2	3.55	1.22
Purata Keseluruhan							3.65	0.55

Berdasarkan Jadual 13 menunjukkan taburan responden berdasarkan peratusan, min dan sisihan piawai terhadap faktor psikologi terhadap perlakuan agresif pelajar. Skor min tertinggi untuk “saya dapat menerima apabila didenda” sebanyak 4.2 dengan sisihan piawai 1.24. Seramai 214 orang bersetuju (82.3 peratus) manakala 41 orang (15.8 peratus) bersetuju. Purata semua pelajar di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru tidak bersetuju faktor psikologi menjurus kepada perlakuan agresif pelajar.

Pelajar tidak suka melepaskan perasaan marah bagi faktor psikologi dalam menentukan faktor yang paling dominan terhadap perlakuan agresif pelajar di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru ialah 4.22 dengan sisihan piawai 0.71. Hasil dapatan menunjukkan seramai 249 orang pelajar (95.7 peratus) tidak bersetuju, seramai 11 orang pelajar (4.3 peratus) bersetuju mereka suka melepaskan perasaan marah.

Skor min terendah dalam menentukan faktor yang paling dominan terhadap perlakuan agresif pelajar di lima buah sekolah menengah di kawasan bandar Johor

Bahru 2.6 dengan sisihan piawai 0.94. Daripada hasil dapatan kajian “ saya tahu mengatasi masalah diri” menunjukkan seramai 84 orang pelajar (32.3 peratus) bersetuju, 176 orang pelajar (67.7 peratus) tidak bersetuju. Purata keseluruhan skor min bagi faktor psikologi ialah 3.65 dengan purata keseluruhan bagi sisihan piawai ialah 0.55. Ini menunjukkan faktor psikologi terhadap perlakuan pelajar pada tahap yang sederhana.

ii. Persoalan kedua : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Jadual 14: Taburan Bilangan Responden Mengikut Ujian t Untuk Perbezaan antara faktor terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Faktor	Ujian -t untuk perubahan min			Terima atau tolak hipotesis nol
	T	Sig (2-ekor)	Perbezaan min	
Suasana sekolah	-0.17	0.87	-0.02	Terima
Latar belakang keluarga	1.61	0.11	0.11	Terima
Sikap pelajar	0.7	0.48	0.06	Terima
Psikologi	1.29	0.20	0.09	Terima
Rakan sebaya	-1.46	0.15	0.11	Terima

Signifikan pada aras keertian .05

1. Hipotesis 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 14, dapatan kajian mendapati nilai $p=0.87 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor suasana sekolah mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis (1) di terima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

2. Hipotesis 2 : Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor latar belakang keluarga terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 14, dapatan kajian mendapati nilai $p=0.11 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor latar belakang keluarga mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis (2) di terima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan

3. Hipotesis 3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor sikap pelajar terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 14, dapatan kajian mendapati nilai $p=0.48 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor sikap pelajar mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis (3) di terima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan

4. Hipotesis 4 : Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor psikologi terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 14, dapatan kajian mendapati nilai $p=0.20 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor psikologi mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis (4) di terima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

5. Hipotesis 5 : Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 14, dapatan kajian mendapati nilai $p=0.15 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor rakan sebaya mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis (5) di terima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

12.0 PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan menunjukkan faktor yang paling dominan terhadap pelajar agresif mengikut sudut persepsi pelajar di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru. Dapatan kajian menunjukkan faktor suasana sekolah merupakan faktor yang paling dominan terhadap pelajar agresif di lima buah sekolah di kawasan Bandar Johor Bahru dengan skor min 4.10 dan sisihan piawai 0.56. Ini diikuti oleh faktor sikap pelajar itu sendiri 3.88 skor minnya dengan sisihan piawai 0.65.

Faktor latar belakang keluarga berada dalam kumpulan ketiga dengan skor min 3.86 dan sisihan piawai 0.53 diikuti faktor rakan sebaya dengan skor min 3.68 dan sisihan piawai 0.58. Faktor yang paling kurang dominan ialah psikologi dengan skor min 3.65 dan sisihan piawai 0.55. Min tertinggi bagi suasana sekolah ialah 4.10 dengan sisihan piawai 0.95 menunjukkan pelajar tidak suka berada di sekolah. Dapatan ini menunjukkan majoriti pelajar tidak suka berada di sekolah. Suasana sekolah lebih menjurus kepada perlakuan agresif apabila pelajar tidak suka berada di sekolah kerana melihat suasana pembelajaran di kelas tidak menyeronokkan serta disiplin sekolah sangat ketat.

Dapatan ini di sokong oleh kajian Morris (1962) yang mengatakan masalah utama di kalangan pelajar ialah berkaitan dengan pelajaran dan disiplin menyebabkan pelajar kurang tertarik pada pembelajaran di dalam kelas. Dapatan spesifik Morris ini telah dibuat 40 tahun lalu di Amerika Syarikat. Ini bermakna masalah pelajar di bandar Johor Bahru sekarang ini sama keadaannya dengan pelajar Amerika Syarikat pada tahun 1960 dan mungkin hingga kini. Pelajar sepatutnya menggunakan kepentingan yang ada di sekolah kerana sekolah pada hari ini menyediakan banyak kelebihan untuk pelajar. Situasi ini terjadi mungkin kerana pelajar malas, tidak minat untuk belajar atau faktor guru.

Pelajar tidak suka dengan peraturan sekolah menyebabkan mereka mencari peluang untuk melepaskan diri dari sekolah. Pihak sekolah perlu membentuk persekitaran yang selamat dan dapat membentuk pelajar bersikap positif terhadap sekolah. Kajian Banks dan Stephanie (2000) menyokong dengan menyediakan

program-program serta polisi-polisi yang positif melalui kerjasama yang erat antara komuniti sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Pelajar perlu mematuhi peraturan yang disediakan untuk memastikan perjalanan pembelajaran berjalan dengan baik dan keenggaran pelajar ini kerana mereka tidak memandang peraturan sebagai sesuatu yang positif.

Kebanyakan sekolah di sekitar bandar Johor Bahru sentiasa sibuk dengan pelbagai program samada kurikulum ataupun ko kurikulum. Kesibukkan sekolah tidak disenangi pelajar agresif di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru. Dapatan ini bertentangan dengan Bucher (1983) telah membuat satu kajian terhadap 200 pelajar perempuan mengenai pandangan mereka tentang manfaat yang diperoleh daripada penglibatan dalam ko-kurikulum di manai responden bersetuju aktiviti ini menyumbang perkembangan jasmani dan sahsiah yang positif. Pihak sekolah perlu merangka pelbagai program untuk memberi sebanyak mungkin ilmu kepada pelajar agar dapat melahirkan pelajar yang berkualiti.

Keaktifan sekolah tidak sejajar dengan murid menyebabkan suasana pembelajaran kurang memuaskan dan ramai pelajar mengambil peluang untuk ponteng kelas yang seterusnya menyumbang kepada perlakuan agresif pelajar walaupun ada sekolah yang menyediakan modul yang mencukupi untuk pelajarnya.

Berdasarkan kajian yang telah di jalankan bagi mengetahui apakah jenis tingkah laku yang kerap berlaku di kalangan pelajar di lima buah sekolah harian biasa di kawasan Bandar Johor Bahru dari sudut persepsi pelajar sendiri. Hasil dapatan menunjukkan skor min yang tiada berbezaan yang ketara di mana menunjukkan semua jenis tingkah laku ini paling kerap berlaku di sekolah menengah. Akan tetapi skor min yang paling tinggi antara tiga ialah tingkah laku fizikal dengan skor min 5.57 dan sisihan piawai 0.62. Jenis tingkah laku yang paling kerap dari persepsi pelajar di nilai mengikut berapa kerap pelajar melakukan perbuatan ini terhadap pelajar lain.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar melakukan kesalahan tingkah laku fizikal untuk mendapatkan sesuatu dengan skor min 4.0 dengan sisihan piawai 1.01. Seramai 155 orang (59.6 peratus) bersetuju menyatakan jenis tingkah laku fizikal di tahap tinggi. Dapatan ini di sokong oleh Maccoby dan Jacklin (1974,1980) yang berpendapat remaja berumur 16 tahun suka membuli secara fizikal. Azizi (2004) juga berpendapat sedemikian dalam sebarang tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain, iaitu tingkah laku yang harus dielakkan.

Kekecawaan, kejengkelan, dan serangan semuanya mudah menyebabkan seseorang itu berasa marah. Perasaan marah ini adalah satu daripada unsur yang penting untuk menghasilkan tingkah laku agresif. Biasanya seseorang yang marah lebih cenderung untuk bersikap agresif. Ada juga seseorang itu bertindak agresif tanpa merasa agresif. Oleh itu, faktor untuk mengawal tingkah laku agresif sama penting dengan menimbulkan perasaan agresif. Pengetahuan lampau merupakan mekanisme penting untuk menentukan manusia yang bertingkah laku agresif. Golongan ini juga percaya keagresifan dapat mendatangkan keuntungan dan harga diri dapat dipertingkatkan

dengan mendominasi orang lain sebelum perkara yang serius berlaku (Crick dan Dodge 1996).

Pelajar melakukan tindakan agresif ini untuk mendapatkan wang, menunjukkan mereka kuat serta suka mencuba sesuatu yang baru. Fenomena ini menjurus kepada kesalahan juvana Stumphauzer (1986) mentakrifkan pesalah juvana sebagai remaja yang lakukan tingkah laku agresif. Untuk menjadi pesalah yang rasmi, remaja atau kanak-kanak tersebut telah mencabul undang-undang negara atau kehakiman kerajaan. Salah laku ini boleh merangkumi ponteng, buli, gangsterisme, merokok, mencuri, peras ugut, menghisap dadah, pelanggaran disiplin hingga ke jenayah berat.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang, psikologi, sikap pelajar dan rakan sebaya terhadap pelajar agresif dengan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Oleh itu hipotesis boleh di terima berdasarkan analisis ujian-t. Ini menunjukkan semua faktor tidak mempunyai perbezaan terhadap pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Hipotesis mengandaikan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku fizikal dengan pendapatan ibu bapa. Hasil analisis menunjukkan hubungan yang lemah (-.112) dan nilai negatif menunjukkan pemboleh ubah berkadaran songsang dimana satu pemboleh ubah meningkat dan yang lain akan menurun dan begitu sebaliknya. Nilai yang tidak signifikan (0.075) berbanding aras signifikan 0.05 menunjukkan tidak terdapat hubungan.

Hasil kajian ini menunjukkan tingkah laku fizikal pelajar tidak signifikan dengan pendapatan ibu bapa bagi pelajar di lima buah sekolah di kawasan bandar Johor Bahru. Hipotesis mengandaikan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku verbal dan antisosial dengan pendapatan ibu bapa. Hasil analisis menunjukkan hubungan yang lemah (-.177) dan (-.127) nilai negatif menunjukkan pemboleh ubah berkadaran songsang dimana satu pemboleh ubah meningkat dan yang lain akan menurun dan begitu sebaliknya. Nilai yang signifikan (0.004) dan (0.040) berbanding aras signifikan 0.05 menunjukkan terdapat hubungan. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku verbal dan tingkah laku anti sosial dengan pendapatan ibu bapa.

13.0 KESIMPULAN

Daripada hasil kajian yang telah dijalankan dapatlah dibuat kesimpulan bahawa faktor yang paling dominan ialah faktor suasana sekolah yang mempengaruhi pelajar berkelakuan agresif di sekolah menengah harian biasan di lima buah sekolah di kawasan Bandar Johor Bahru. Suasana pembelajaran di sekolah amat penting dalam menyemai minat mencari ilmu kepada pelajar. Suasana pembelajaran yang selesa dengan semua pihak bekerjasama untuk mewujudkan suasana yang baik akan dapat mengurangkan perlakuan agresif pelajar kerana mereka akan dapat menyalurkan tingkah laku yang berlebihan dalam diri mereka dengan betul.

Bagi mencapai matlamat ini, semua pihak mesti memberikan komitmen yang tinggi seperti pihak sekolah, guru, rakan sebaya dan pelajar itu sendiri. Pelajar juga lebih kerap melakukan kesalahan fizikal seperti memukul, mencederakan, menyakitkan, membuli, mencuri dan vandalisme di sekolah mengikut persepsi pelajar kerana melakukan kesalahan fizikal dapat memberi kepuasan yang lebih berbanding tingkah laku yang lain seperti tingkah laku verbal dan anti sosial.

Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan di antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, psikologi dan rakan sebaya bagi pelajar agresif dengan jantina. Walaubagaimanapun, golongan pelajar menyalah tafsirkan kebebasan yang diberikan oleh ibu bapa dengan berlumba-lumba mencapai keinginan yang sama dengan lelaki. Hubungan di antara tingkah laku dengan pendapatan ibu bapa menunjukkan tahap yang lemah dan hubungan dua pemboleh ubah berkadaran songsang.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahman Hamdan (2007). *"Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan"*. Universiti Teknologi Malaysia: PTS Professional.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yahya, Amir Hamzah Abdul (2004). *"Psikologi Sosial"*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Borg, M.J.(1999). *The Extent and Nature of Bullying Among Primary and Secondary School Children*. Educational Research, 41, 137-153.
- Baker, T.L. (1994). *Doing Social Research* (2nd Edn.), New York: McGraw-Hill Inc.
- Erickson, E.H. (1963). *Childhood and Society* (rev. Ed.) New York: Norton
- Smith dan Sharp (1994). *The problem of school bullying*. In P.K. Smith & S.Sharp (Eds.), *School Bullying Insights and perspectives*. London: Routledge.
- Morris, D.B. (1962). *"Sex Difference in the Life Problems of Adolescent, 1935 and 1954"*, Reading in Educational Psychology. New York: The Macmillan Co.
- Mohd. Majid Konting (1988). *"Kaedah Penyelidikan Pendidikan"*. Edisi ke 4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Aziz Nik Pa (1991). *"Keluarga Sejahtera Sebagai Landasan Bagi Realisasi Wawasan 2020"*. Jurnal Kebajikan Masyarakat, 2. 22-31
- Olweus, D. (1978). *Aggression in the School: Bullying and Whipping Boys*. Washington, DC: Hemisphere, Wiley.
- Olweus, D. (1991). *Bully/victim problem among school-based Intervention programme*. In D. Pepler & K. Rubin, (Eds.) *The Development and Treatment of Childhood Aggression*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Olweus, D. (1993). *Victimisation by peers: Antecedents and long-term outcomes*. In K.H. Rubin & J.B. Asendorpf (Eds), *Social Withdrawal, Inhibition and Shyness in Childhood*. Hillsdale, NJ: Erlbaum

Olweus, D. (1998). *Bullying at school: basic facts and effect of a school based intervention program*. *Child Psychological Science*, 4, 196-200.